

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN FONG KUI LIN

SOALAN

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berikutan pengeluar simen masih dalam kerugian pada suku tahunan terkini selepas mengalami kerugian bertahun-tahun, adakah Kementerian akan mengkaji semula campur tangan Kerajaan untuk memberi sedikit ruang kelegaan kepada pengeluar simen demi kepentingan pasaran bebas.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Simen merupakan salah satu barang kawalan berjadual yang disenaraikan dalam Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan sebarang urusniaga melibatkan barang kawalan berjadual memerlukan Lesen CSA yang dikeluarkan oleh Kementerian ini. Pada masa ini, pengeluar-pengeluar simen yang memegang Lesen CSA mengilang dan borong simen tidak disekat daripada menaikkan harga.

Walau bagaimanapun, pengeluar-pengeluar simen perlulah memohon kepada Kementerian ini setiap kali bercadang menaikkan harga seperti mana yang ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011. Hal ini bagi memastikan tiada pengeluar yang mengambil keuntungan yang tidak munasabah serta bagi melindungi kebajikan pengguna.

Syarat-Syarat Khas Bagi Pemborong Dan Pengilang Simen

1. Pemegang Lesen Ini Tidak Dibenarkan Mengeksport Simen Kecuali Dengan Kebenaran Bertulis Daripada Pengawal Bekalan Malaysia.
2. Pemegang Lesen Ini Hendaklah Menyenggara Suatu Stok Bagi Simen Dengan Mencatatkan Butir-Butir Pembelian Dan Penjualan Yang Menunjukkan Tarikh, Kuantiti, Harga Serta Nama Dan Alamat Penjual Atau Pembeli Mengenai Penjualan Atau Pembelian Simen Tersebut.
3. Pemegang Lesen Ini Hanya Dibenarkan Untuk Berurusniaga Simen-Simen Yang Menepati Standard MS522:1989. (The Holder Of This Licence Shall ONLY Deal In Cement That Conformed To MS522:1989).
4. **Pemegang Lesen Ini Hendaklah Merujuk Dan Mendapat Kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Sebelum Menaikkan Harga Simen.**
5. Pemegang Lesen Ini Hendaklah Mematuhi Apa-Apa Arahkan Yang Dikeluarkan Oleh Pengawal Bekalan Malaysia Atau Pegawai-Pegawai Bekalan Di Bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, Berkenaan Dengan Pembekalan Simen.